

25 MAY 1999

Mahathir-Islam

KEBIMBANGAN SEKULARISME BUAT UMAT ISLAM JAUHKAN DIRI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kebimbangan tentang sekularisme telah membuatkan umat Islam cuba menjauhkan diri daripada pengaruh luaran, yang mengakibatkan mereka tidak menyumbang kepada persefahaman antara agama.

Dr Mahathir berkata mereka cuba mengasingkan diri secara fizikal daripada bukan Islam dan beranggapan hubungan dengan bukan Islam akan mencemari agama dan cara hidup mereka.

Memberikan contoh, Dr Mahathir berkata di Malaysia hari ini, terdapat aliran yang tidak sihat antara beberapa guru agama, yang cuba mempengaruhi kanak-kanak untuk mengelakkan diri daripada berhubung dengan masyarakat bukan Islam.

"Percubaan untuk mengasingkan umat Islam daripada bukan Islam tidak hanya terhad kepada pusat-pusat tadika sahaja. Hari ini, di sekolah dan universiti pelajar beragama Islam disaran untuk tidak mencampuri aktiviti, yang juga melibatkan pelajar bukan Islam," katanya semasa merasmikan seminar antarabangsa berkaitan "Peranan Peradaban Islam dalam Meningkatkan Kefahaman Antara Agama," di Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini.

Dr Mahathir berkata pengasing itu tidak akan membantu meningkatkan persefahaman kerana dalam sebuah negara seperti Malaysia yang berbilang kaum dan agama, umat Islam tidak akan dapat menyesuaikan diri, hidup secara harmoni dan mendapat manfaat daripada pelbagai peluang untuk kemakmuran dan kemajuan mereka.

Dalam sesi dialog kemudiannya, Dr Mahathir berkata tidak kesemua guru agama terlibat, kerana kebanyakan mereka berminat untuk mengajar, tetapi ada di antara mereka yang mempunyai kecenderungan politik.

Dalam ucapannya, beliau berkata mereka menimbulkan was-was dalam minda kanak-kanak berkaitan makanan halal, dan juga diajar untuk menjauhkan diri dan tidak bergaul dengan masyarakat bukan Islam.

Katanya, agak jarang bagi pelajar beragama Islam mempunyai kawan-kawan yang bukan beragama Islam.

Beliau berkata generasi terdahulu bergaul baik dengan masyarakat bukan Islam, tetapi generasi baru tidak begitu menyesuaikan diri dengan masyarakat berbilang kaum dan agama.

Dr Mahathir berkata tiada sesuatu yang sekular mempelajari sains, kemahiran dan teknologi, yang tidak dapat dinafikan, dapat menyumbang kepada kebaikan masyarakat Islam.

"Kebaikan di akhirat tidak hanya datang dari amalan beragama sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata pemisahan antara Gereja dan "negeri", antara sekular dan agama mungkin boleh berlaku dalam agama Kristian, tetapi perkara itu tidak mungkin dalam masyarakat Islam kerana agama adalah cara hidup, yang melibatkan perkara-perkara yang dilakukan setiap hari.

Beliau berkata kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara Islam adalah sebahagian daripada cara hidup masyarakat Islam, dan yang dikehendaki daripada mereka ialah tidak menyalahi ajaran Islam.

"Cara hidup masyarakat Islam tidak termasuk kejahilan dan tanpa pengetahuan moden, kemahiran, kedaifan dan terpaksa membeli daripada orang lain, termasuk mereka yang dianggap sekular, untuk makanan dan keselamatan," katanya.

Dr Mahathir berkata ketidakmampuan masyarakat Islam untuk melindungi

masyarakat Islam yang lain yang memerlukan bantuan adalah kerana mereka tidak maju dan miskin.

Dr Mahathir berkata tekanan terhadap masyarakat Islam di beberapa tempat seperti Palestin dan Eropah Timur telah menimbulkan kemarahan, yang menyebabkan mereka bertindak ganas dan dianggap sebagai pengganas, untuk menunjukkan kekecewaan mereka.

"Tetapi tindakan keganasan atau tindakan mempertahankan diri masyarakat Islam di Palestin, disifatkan sebagai keganasan Islam. Pengganas, jika mereka sebenarnya pengganas dan dalam kebanyakan keadaan mereka bukan pengganas, dilabel sebagai pengganas Islam.

"Dan sekarang kita melihat pembunuhan beramai-ramai etnik Albania di Kosovo, sebelum ini pembunuhan .. masyarakat Islam di Bosnia-Herzegovina. Bagaimanapun, kesemua keganasan ini oleh etnik Eropah tidak pernah disifatkan sebagai keganasan Kristian," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun berkurangnya peradaban Islam, kebanyakan masyarakat Islam di seluruh dunia hari ini masih bertoleransi dan menunjukkan persefahaman terhadap agama lain.

Di Malaysia, katanya, masyarakat Islam yang kebanyakannya berbangsa Melayu yang menjadi majoriti telah memilih untuk membentuk kerajaan berbilang kaum dan agama, dan berusaha ke arah toleransi dan persefahaman.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dengan kerjasama kedutaan Sepanyol; selain peserta tempatan, 14 peserta dari negara-negara luar seperti Australia, Filipina, Pakistan, Britain, Sudan dan Turki turut mengambil bahagian.

-- BERNAMA

MAM RI